



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

09 Oktober 2019
Untuk Siaran Segera

KENYATAAN MEDIA PELAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN PERATURAN *E-HAILING*

Salam Sejahtera dan Selamat tengahari,

1. Tujuan saya memanggil sidang media pada tengahari ini adalah untuk memaklumkan beberapa perkara mengenai pelaksanaan peraturan *e-hailing*. Seperti yang kita sedia maklum, penguatkuasaan *e-hailing* akan bermula pada 12 Oktober 2019 ini, setelah dilaksanakan advokasi ataupun *soft-landing* bermula 12 Julai yang lalu.

PELAKSANAAN KOD “AH” BAGI KENDERAAN *E-HAILING*

2. Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mewujudkan satu kod khas baru bagi “**kenderaan persendirian *e-hailing***” dengan mengguna pakai ringkasan kod kegunaan “AH” di dalam sistem mySIKAP. Sehubungan itu, semua kenderaan yang digunakan sebagai kenderaan perkhidmatan *e-hailing* adalah dikategorikan sebagai kenderaan persendirian *e-hailing*. Justeru, **Pemilik dan pemandu kenderaan *e-hailing* tidak perlu hadir ke JPJ** bagi tujuan ini kerana telah dilaksanakan melalui saluran maklumat eVP oleh APAD, LPKP Sabah dan LPKP Sarawak. Maklumat tersebut akan ditukar kod kegunaan secara automatik kepada kod “AH” dalam mySIKAP oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

PEMERIKSAAN KESIHATAN SEBAGAI SYARAT PERMOHONAN PSV

3. Seperti mana Tuan/Puan sedia maklum, bermula daripada **1 OKTOBER 2019** yang lalu, borang pemeriksaan kesihatan (**JPJL8A**) yang baharu hendaklah diguna pakai sebagai dokumen rasmi bagi syarat dalam prosedur permohonan atau pembaharuan Lesen Vokasional. Pemandu perlulah mendapat pengesahan pegawai perubatan kerajaan/ pengamal perubatan berdaftar menggunakan borang pemeriksaan kesihatan (**JPJL8A**) .

4. Sehubungan itu, semua urusan pemeriksaan dan penilaian kesihatan akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuklah penetapan caj perkhidmatan.

PERMOHONAN 57 OKU PENDENGARAN BAGI LESEN PSV

5. Untuk makluman Tuan/ Puan, seramai lima puluh tujuh (57) pemohon OKU pendengaran yang telah mengemukakan permohonan kepada saya untuk mendapat lesen kenderaan perkhidmatan awam PSV.

6. Sehubungan itu, melalui **Kaedah 21, Kaedah-kaedah Kenderaan Perkhidmatan Awam (Pelesenan dan Kelakuan Pemandu, Konduktor dan Penumpang) 1959 di bawah kuasa Menteri Pengangkutan**, saya telah bersetuju meluluskan permohonan ini.

Sekian, terima kasih.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

9 Oktober 2019

-TAMAT-

MAKLUMAT TAMBAHAN

Statistik e-haling

1. Sehingga kini, sebanyak 227 buah Institut Memandu (IM) dan 5 buah e-hailing operator (eHO) di seluruh Malaysia telah diiktiraf sebagai pusat latihan memandu untuk melatih pemandu-pemandu kenderaan perkhidmatan awam (Teksi/ E-Hailing). Calon juga diberi pilihan untuk menjalani kursus secara digital (ePSV) masih boleh dijalankan oleh semua IM dan eHO yang diiktiraf oleh JPJ sehingga 11 Oktober 2019.
2. Secara keseluruhannya, setakat 8 Oktober 2019, sebanyak 113,118 calon telah berdaftar dan menghadiri kursus PSV (Teksi/ e-hailing) manakala sebanyak 55,673 pemandu telah lulus ujian dan berjaya dilesenkan. Berikut adalah ringkasan statistik terkini:

	e-Hailing Operator	Institut Memandu	Jumlah
Jumlah Calon Berdaftar Untuk Ujian	41,907	71,211	113,118
Jumlah Calon Hadir Ujian	35,248	52,724	87,972
Jumlah Calon Lulus	23,516	45,537	69,053
Jumlah Calon Kandas	11,678	20,989	32,667
Jumlah dilesenkan			54,483

Tukar Kod Kegunaan Kenderaan Persendirian Kepada Persendirian E-Hailing

1. Untuk makluman, proses pengisytiharan kenderaan *e-hailing* ini tidak melibatkan proses tukar guna status kenderaan persendirian individu kepada kenderaan perdagangan. Ianya hanya tambahan maklumat "*e-hailing*" bagi tujuan membezakan kenderaan persendirian individu dengan persendirian *e-hailing*.
2. Antara tujuan utama JPJ menetapkan prosedur pengisytiharan kenderaan *e-hailing* adalah untuk:
 - a. mengenalpasti / membezakan kenderaan persendirian individu dengan kenderaan persendirian e-hailing;
 - b. memastikan kenderaan persendirian e-hailing menjalani pemeriksaan PUSPAKOM;
 - c. mengumpul statistik kenderaan persendirian e-hailing di dalam sistem MySIKAP; dan
 - d. maklumat kenderaan yang digunakan bagi tujuan penguatkuasaan.
3. Sehingga hari ini, JPJ telah menerima sejumlah lima puluh lima ribu enam ratus enam puluh lima (55,665) eVP yang telah dikeluarkan oleh pihak APAD, LPKP Sabah dan LPKP Sarawak untuk diisytiharkan sebagai kenderaan e-hailing.
4. Selain itu, kadar fi LKM kenderaan persendirian *e-hailing*, masih kekal seperti kenderaan persendirian individu iaitu mengikut kuasa enjin (cc) kenderaan termasuk Sabah dan Sarawak.

Tempoh sah laku LKM bagi kenderaan persendirian *e-hailing* akan menggunakan tempoh yang ditetapkan di bawah Kaedah 14(ii) Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959 iaitu enam (6) atau 12 bulan serta tertakluk dengan mana-mana tarikh tamat terdahulu (yang terendah) sama ada Permit APAD/LPKP, Pemeriksaan PUSPAKOM dan Insuran.